

HIJRATUL RASUL
05 OGOS 2022 | 07 MUHARAM 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Kita bersyukur kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan kesempatan kepada kita semua untuk berada di tahun baru hijrah 1444. Kedatangan tahun hijrah mengingatkan kita kepada peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat dari Mekah ke

Madinah. Peristiwa ini dinyatakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Taubah ayat 20:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

Yang bermaksud: “(Sesungguhnya) orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah dan mereka itulah orang yang berjaya”.

Antara kejayaan besar umat Islam dalam peristiwa hijrah ini ialah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyatukan penduduk Madinah yang terdiri dari dua kabilah besar iaitu Aus dan Khazraj di gelar sebagai Ansar. Kemudian mereka dipersaudarakan dengan Muhajirin (mereka yang berhijrah dari Mekah) yang menjadikan mereka satu Ummah yang kuat yang bersatu padu. Ingatlah, untuk membina sebuah masyarakat dan negara yang kuat hendaklah bermula dengan perpaduan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Baginda.

Bagi mengukuhkan perpaduan ini tindakan pertama yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika tiba di Madinah ialah membina masjid. Sejak itu masjid Nabawi menjadi tumpuan umat Islam untuk solat berjemaah lima kali sehari.

Inilah hasil didikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada para sahabat sehinggalah lahirnya Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Uthman dan Saidina Ali serta para sahabat yang lain menjadikan hati-hati mereka bergantung dan merindui untuk pergi ke masjid setiap hari. Sepatutnya, kita juga hendaklah mengikuti seperti mereka.

Oleh itu, semoga kedatangan tahun baharu hijrah ini akan mengerakkan diri kita semua untuk lebih mengimarahkan masjid kita ini. Beruntunglah orang yang mengimarahkan masjid kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud:

*Tujuh golongan yang mendapat lindungan Allah pada hari yang tiada naungan melainkan naungan-Nya (di padang mahsyar nanti):
Lelaki yang hatinya bergantung dengan masjid.*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Tirmizi:

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَتَعَاهَدُ الْمَسْجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ

Yang bermaksud : *Jika kamu melihat seseorang lelaki yang sentiasa ke masjid maka saksikanlah keimanannya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Hijrah adalah kejayaan dakwah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dakwah adalah amalan yang sangat mulia. Setiap kita hendaklah memberi sumbangan dalam usaha dakwah sama ada nasihat, tenaga dan wang ringgit. Manfaatkanlah sepanjang kehidupan kita untuk berdakwah. Antara dakwah yang perlu dimulakan ialah dengan mengajak

ahli keluarga dan anak-anak muda ke masjid. Kenapa anak-anak muda kita tidak ramai ke masjid? Kerana mereka yang berada di masjid yang terdiri daripada ibu bapa mengabaikan usaha dakwah ini untuk mengajak anak-anak muda hadir ke masjid. Bermula hari ini, marilah kita bersungguh-sungguh mengajak mereka datang memakmurkan masjid. mudah-mudahan kita semua mendapat taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Jangan sekali-kali kita abaikan usaha dakwah. Ingatlah peringatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat al-Tirmizi yang bermaksud:

"Demi dzat yang nyawaku dalam kekuasaan-Nya! Kamu hendaklah menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran atau (jika kamu tidak lakukan), Allah akan mengirinkan kepada kamu azab dari-Nya, kemudian kamu berdoa tetapi Allah tidak menerima doa kamu"

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah kita semua memulakan awal tahun hijrah ini dengan berpuasa sunat 9 dan 10 Muharram bersamaan dengan 7 dan 8 Ogos ini. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Ibnu Majah yang bermaksud:

Berpuasa pada hari 10 Muharam, sesungguhnya aku mengharapkan kepada Allah supaya ia dapat menghapuskan dosa-dosa setahun sebelumnya.

Semoga tahun hijrah ini kita mulakan dengan usaha dakwah dengan mengajak seluruh masyarakat kita mengimarahkan masjid terutama solat subuh berjemaah seperti solat Jumaat serta menghadiri majlis ilmu tidak kira siapa sahaja yang menyampaikannya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا لَنُبَوِّئَنَّهُمْ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَلَآجْرٌ لَآخِرَةٌ أَكْبَرُ

لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٤﴾

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.